

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

27. Adakah pihak Pentadbir Tanah Daerah mengambil tindakan pencegahan dalam mengatasi masalah pencerobohan tanah kerajaan?
- (a) Senaraikan tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

27. Pentadbir Tanah sentiasa mengambil tindakan pencegahan dalam mengatasi masalah pencerobohan tanah kerajaan melalui Seksyen 425/ 426 Kanun Tanah Negara 1965. Antara tindakan yang telah dilakukan adalah seperti berikut:
- (i) Membuat lawatan pemantauan secara berkala;
 - (ii) Mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965;
 - (iii) Menjalankan Tindakan Penguatkuasaan di bawah Seksyen 426A Kanun Tanah Negara 1965.

Kesemua tindakan adalah selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Bil 2/ 2019 iaitu Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan di bawah Seksyen 425/ 426 Kanun Tanah Negara 1965.

Selain itu, jaringan kerjasama yang erat juga diwujudkan dan dilakukan antara Jabatan/ Agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Kerja Raya, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

serta beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang dalam menyalurkan maklumat. Maklumat yang diperolehi akan dikaji dan disiasat kesahihannya dan dibuat tindakan berdasarkan tindakan-tindakan yang dilakukan seperti di atas.